




Hati

PEMANGKU EDITOR : NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN

TEL : 1-300-22-6787 SAMB: 4429 FAKS : 03-20567083/7084



Intan Mas Ayu Shahimi
imas@hmetro.com.my

Kebanyakan daripada kita hari ini terlalu mengambil mudah masalah kesihatan berkaitan darah. Jika dibandingkan dengan masalah jantung, paru-paru, buah pinggang dan seumpamanya, isu darah memang dipandang remeh berikutan kurangnya kesedaran mengenai penjagaan cecair utama dalam tubuh manusia ini.

Tidak kira di hospital, klinik atau di kedai kopi, orang ramai begitu sensitif berbicara soal darah. Darah tinggi, darah rendah atau anemia sudah dianggap penyakit biasa walaupun hakikatnya boleh membawa maut.

Namun apabila bercerita mengenai kelainan darah atau abnormaliti dalam darah, ramai yang berkerut dahi kerana tidak memahami jenis penyakit, risiko dan situasi yang bakal dihadapi jika disahkan tergolong dalam kelompok pesakit. Tidak hairan jika ada yang bersikap sambil lewa apabila diberitahu mempunyai kelainan darah.

FAHAMI KELAINAN DARAH

DARI MUKA 15

Pakar Perunding Hematologi Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Bahariah Khalid berkata, masyarakat Melayu antara kaum paling cenderung mengambil sikap tunggu dan lihat perubahan diri apabila disahkan mengalami masalah berkaitan darah.

Malah dalam sesetengah kes, masyarakat umum memang menolak mentah-mentah jika dinasihatkan menjalani pengesanan awal membabitkan pengambilan sampel darah atau sumsum tulang.

"Orang kita tidak faham. Mereka tidak mempunyai kesedaran mengenai penjagaan kesihatan, risiko kelainan darah dan serangan kanser kronik. Mereka kurang membaca dan membuat rujukan. Bagi kebanyakan orang, masalah darah tidak seteruk jantung, influenza, paru-paru dan sebagainya. Mereka tidak rasa perubahan ketara pada tubuh sehinggalah kesihatan merosot ke tahap

mendapatkan rawatan lanjut," katanya.

Jelas Dr Bahariah, adalah sukar untuk membina kesedaran mengenai penyakit darah dalam kalangan generasi muda kerana faktor didikan dan mentaliti ibu bapa serta orang di sekeliling.

"Apabila seorang anak itu dikesan mempunyai masalah darah, mereka sukar mendapatkan rawatan awal kerana keengganan ibu bapa memberi kebenaran. Mereka lebih percayai nasihat bomoh dan dukun yang mendakwa wujud unsur sihir. Kemudian bermulalah kaedah rawatan alternatif yang bukan saja karut, tetapi semakin memburukkan keadaan pesakit.

"Sedihnya, apabila tiba di hospital, mereka sukar diselamatkan dan terpaksa menjalani pelbagai rawatan. Pada tahap ini, kaunseling, nasihat dan rundingan akan menjadi bertambah rumit dan tidak efektif lagi. Sebab itulah pentingnya kesedaran," katanya.

USAH REMEHKAN MASALAH BERKAITAN DARAH

Sukar bina kesedaran dalam kalangan generasi muda kerana faktor didikan, mentaliti ibu bapa



UJIAN KIRAAN DARAH KESELURUHAN (FBC).

yang sukar dirawat.

"Dalam situasi lain, ada juga yang mudah panik apabila diberitahu mempunyai masalah kelainan darah. Secara automatik, mereka ini akan terfikir soal kanser, rawatan kemoterapi, radioterapi dan sebagainya. Kesedaran sebegini sebenarnya bagus, namun kadangkala tidak mendatangkan faedah sekiranya enggan

UJIAN KIRAAN DARAH KESELURUHAN (FBC)

Menurut Dr Bahariah, dalam hal kesihatan, FBC adalah rutin pemeriksaan biasa untuk semua, tidak kira sama bayi, orang dewasa mahupun warga emas. Bagaimanapun, ia jarang diulang berikutan sikap ambil mudah masyarakat terhadap ujian ringkas ini.

"Selalunya, FBC dijalankan apabila pesakit merujuk masalah kesihatan di klinik dan hospital. Apabila doktor memberitahu bacaan darah tidak normal, ramai pesakit menganggap ia perkara biasa kerana tindak balas tubuh yang tidak sihat. Mereka ambil mudah apabila doktor menasihatkan supaya mengulang ujian berkenaan selepas tempoh tertentu.

"Perlu diketahui ujian

FBC wajar diteliti bagi suatu tempoh sehingga ia kembali kepada bacaan yang normal. Maksudnya, jika ada abnormaliti, seelok-eloknya ia dibuat sekali lagi dalam tempoh tertentu, mengikut nasihat doktor. Bagi orang kita, mereka biasanya prihatin mengulang ujian jika disahkan denggi untuk melihat bacaan platelet.

"Kalau demam dan dikhuatiri denggi, sudah

pasti mereka akan buat (ulang). Jika tidak, mungkin orang abalkan saja saranan doktor sebab menganggap ia tidak penting," katanya.

Beliau berkata, masalah darah sebenarnya boleh berlaku kepada semua. Apabila kiraan darah dalam tubuh seseorang itu tinggi dan tidak seimbang, boleh jadi ia adalah petunjuk awal kepada anemia atau kanser darah kronik.

FOTO: GETTY IMAGES

KIRAAN darah tidak seimbang mungkin petanda penyakit.

FOTO SUMBER GOOGLE



"Apabila bacaan platelet pada seorang bayi itu mencapai kiraan berganda daripada paras normal, adalah wajib untuk ibu bapa terus merujuk masalah kepada doktor dan membuat ujian ulangan FBC.

"Sekiranya bayi nampak sihat, tidak mempunyai masalah kesihatan dan aktif, pasukan perubatan mungkin akan mempertimbangkan faktor kesilapan praanalisis. Ini mungkin terjadi berikutan masalah mesin ujian dan sebagainya. Namun, jika ujian seterusnya tidak menunjukkan banyak perbezaan, bayi berkenaan

harus meneruskan ujian ulangan mengikut nasihat doktor," katanya.

Jelas Dr Bahariah, FBC bukanlah ujian standard untuk mengenal pasti masalah darah. Sekiranya keputusan FBC tidak berkait faktor kesilapan praanalisis, pakar perubatan akan melakukan ujian kiraan darah yang lebih menyeluruh.

"Kami akan calit sampel darah pada slaid kaca untuk menyebarkan semua sel. Slaid ini akan diteliti di bawah mikroskop dan dikira satu per satu. Kita perlu menghuraikan keadaan darah untuk mengira sel

dalam darah, melihat bentuk dan mengenalpasti jika ada sel lain yang mencurigakan. Selalunya sel mencurigakan ini diteliti untuk melihat sama ada wujud risiko leukemia atau kanser.

"Bagi bayi yang memiliki abnormaliti dalam darah dan ujian pengesanan sukar mendapatkan jawapan pasti, kami akan nasihatkan supaya terus mendapatkan rawatan dan ujian susulan. Ini kerana sumsum tulang bayi selalunya tidak stabil. Fungsinya akan stabil selepas empat tahun bayi dilahirkan. Jadi, pada usia di bawah empat tahun ini,

kami hanya boleh jangkaan ada abnormaliti dalam FBC sebab sumsum tulangnya belum cukup matang.

"Bagaimanapun, selepas enam bulan kelahiran, selalunya kecenderungan darah ibu dalam bayi memang sudah tidak ada. Maksudnya, selepas enam bulan ke setahun, kebanyakan sel darah dalam tubuh bayi itu dihasilkan sumsum tulangnya sendiri dan genetik itu termasuklah keseluruhan kilang yang akan lebih stabil dalam kiraan, selepas empat tahun.

"Tetapi, kalau ada masalah ketika bayi, doktor biasanya memberi

Apabila seorang anak itu dikesan mempunyai masalah darah, mereka sukar mendapatkan rawatan awal kerana keengganan ibu bapa memberi kebenaran

DR BAHARIAH

dua pilihan, sama ada ia memang bermasalah atau perlu tunggu dan lihat. Ibu bapa tidak perlu panik selagi masih mengikut jadual rawatan susulan untuk pemerhatian dan kaunseling," katanya.

KANSER DARAH KRONIK

Bagi orang dewasa, Dr Bahariah berkata, punca kiraan platelet naik disebabkan beberapa perkara termasuk kecacingan, alahan pada ubatan, pengambilan herba atau paling ditakuti adalah masalah kanser darah kronik.

"Kanser darah kronik ini tergolong dalam masalah platelet yang tinggi sahaja atau dipanggil myelo proliferative neoplasm

(MPN). Ia juga dirujuk sebagai ET atau essential thrombocythemia.

"Secara asasnya terdapat empat jenis kanser darah kronik iaitu ET, polycythemia rubra vera (PRV) iaitu keadaan sel darah merah tinggi; myelo fibrosis (MF) jika parut dalam sumsum tulang yang tinggi dan chronic myeloid leukemia (CML) iaitu kanser darah putih yang kronik.

"Daripada keempat-empat ini, genetik untuk CML paling istimewa kerana boleh diubati dengan pengambilan pil saja. Kajian CML kini sudah menghampiri 20 tahun dan ia tidak memerlukan rawatan kemoterapi untuk sembuh sehingga pengambilan ubat dibentangkan," katanya.

SEL darah dikira untuk mengenal pasti risiko.

FOTO SUMBER GOOGLE

